

USR UniMAP & KEMPs PULAU PANJANG, SATUN



Oleh : Ainulniza Mohd Yusof

Seramai 45 orang terdiri daripada kakitangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan pengemal media Perlis mengadakan lawatan dan tanggungjawab sosial universiti (USR) di Pulau Panjang, di sini.

Bagi penduduk di situ, UniMAP yang sudah beberapa kali mengadakan program kemasyarakatan di pulau tersebut sudah tidak asing lagi bagi mereka dan kebanyakan kakitangan atau pelajar universiti itu sudah dianggap seperti ahli keluarga sendiri.

Ternyata kehadiran rombongan dari Perlis disambut baik oleh masyarakat Pulau Panjang yang terdiri daripada hampir 100 keluarga, majoritinya beragama Islam.

Malah mereka turut bergotong royong menyediakan masakan yang kebanyakan adalah hasil laut yang segar untuk dihidangkan kepada rombongan berkenaan.

Selain itu, pelbagai pengisian dan aktiviti diatur dalam program dua hari itu yang turut diserikan dengan kehadiran Pegawai Daerah Wilayah Satun, Suwan Choinukoon ketika majlis perasmian.

Menjadi simbolik hubungan baik yang sedia terjalin itu, pihak UniMAP turut membawa pokok mempelam harumanis yang kemudiannya ditanam di pekarangan sekolah di pulau tersebut.

Sementara itu, Pengarah Unit Komunikasi Korporat (UKK) UniMAP, Mustaffa Ismail berkata, program itu bertujuan memupuk semangat kecintaan dan kesedaran bagi membantu golongan memerlukan.



Universiti Malaysia Perlis & Kelab Media Perlis



MYUniMAP
Edisi XXXVI
FOKUS



Katanya, pada masa yang sama hubungan yang sedia terjalin antara warga universiti dengan penduduk di situ mendorong mereka memilih Pulau Panjang sebagai lokasi mengadakan program berkenaan.

Ujarnya, selain menyampaikan bantuan, rombongan tersebut juga mengambil kesempatan mengisi masa yang ada untuk bersama penduduk serta melakukan lawatan dari rumah ke rumah di sekitar pulau berkenaan.

"Selain itu, kita juga mengikuti pelbagai aktiviti yang telah diatur seperti mengecat pagar sekolah, gotong-royong memasak dan sukaneka untuk kanak-kanak di kawasan tersebut.

"Bagi aktiviti riadah, kita menyertai sesi memanjat bukit, berjalan kaki melawat beberapa tempat peninggalan sejarah, futsal dan memancing pada sebelah malam," katanya.

Tambah beliau, sebagai tanda kenangan, setiap keluarga di pulau tersebut turut diberikan cenderahati berupa bingkai gambar mereka yang diambil sendiri oleh jurufoto UniMAP.

Selain UKK dan KEMPs, beberapa anggota Jabatan Keselamatan UniMAP turut menyertai rombongan berkenaan ke pulau itu.

